

Universiti Putra Malaysia – Sumbangan Graduan Memperkayakan Dunia dengan Penyelidikan, Pengajaran dan Pembelajaran Cemerlang

Apabila idea mengenai sebuah universiti yang menjurus kepada pertanian sepenuhnya lahir pada penghujung tahun 1960-an oleh Mantan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak, inspirasinya bertolak daripada hakikat bahawa sektor pertanian semakin berkembang dalam ekonomi negara. Dan seterusnya

apabila UPM, yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia, memulakan operasi pada tahun 1971, Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, dan Fakulti Perubatan Veterinar dan Sains Haiwan adalah tiga fakulti asas yang menjadi tunggak pembentukan universiti.

Kini, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mempunyai 16 fakulti pelbagai bidang merupakan salah satu daripada lima institusi pengajian tinggi awam terbaik dalam negara dengan status Universiti Penyelidikan. Falsafah UPM yang menekankan kepada kecemerlangan dalam kedua-dua bidang penyelidikan dan pembelajaran terakam dalam titian sejarahnya hingga mampu memperkayakan pentas dunia dengan penyelidikan, pengajaran

dan pembelajaran cemerlang serta unggul.

Bagi sesebuah universiti yang menyelusuri sejarah gemilang lebih lapan dekad dengan memulakan langkah sebagai sebuah sekolah pertanian, UPM dianugerahkan dengan legasi ilmu yang telah dicurahkan kepada puluhan generasi graduan.

Dari padanya mahasiswa yang dahagakan ilmu, setelah beberapa tahun mereka melangkah sebagai pemimpin dan ketua dalam kerajaan, industri, agensi dan masyarakat manakala ribuan yang lain sedang asyik mencerahkan ilmu dan bakti dalam cara mereka tersendiri.

Tiada satu tongkat ajaib UPM membentuk graduan cemerlang tetapi dengan komitmen yang jitu terhadap visi kecemerlangan yang



UPM melahirkan graduan cemerlang dari tahun ke tahun

telah berputik dari budaya penyelidikan, pengajaran, pembelajaran dan perkongsian, dan disokong oleh persekitaran yang kondusif serta pendedahan yang meluas terhadap aktiviti kurikulum,

telah menghasilkan seorang graduan yang memiliki nilai tambah dalam membantunya berhadapan dengan permintaan pasaran.

UPM catat jumlah graduan Ph.D tertinggi negara

Dengan jumlah 457 graduan Ph.D yang akan bergraduat pada Majlis Konvokesyen kali ke-36 pada 13 hingga 15 Oktober 2012, ia bukan sahaja jumlah tertinggi yang pernah direkodkan dalam negara tetapi melebihi sasaran UPM pada tahun 2012 untuk melahirkan seramai 400 graduan Ph.D.

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Radin Umar Radin Sohadi berkata jumlah graduan telah meningkat dari 369 pada tahun sebelumnya dan 256 pada tahun 2010. Sementara itu, kadar peningkatan graduan Ph.D ialah 136 hingga 170 dari tahun 2006 hingga 2009.

"UPM mampu melahirkan jumlah graduan Ph.D tertinggi dalam sejarah kerana sistem penyelidikan pelajar diamalkan secara cekap dan berkesan selain UPM membudayakan suasana penyelidikan yang cemerlang. Kini dengan usaha gigih, menamatkan pengajian di peringkat Ph.D bukan satu perkara yang mustahil," katanya mengulas pencapaian itu.

Daripada jumlah 457 pelajar yang akan bergraduat, 435 graduan adalah daripada Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan 22 graduan adalah daripada Putra Business School (PBS).

Pencapaian ini selari dengan Projek Agenda Kritis yang dikenalpasti melalui Pelan Strategi

Gejalang Tinggi Kebangsaan yang mana sasarnya adalah untuk mempunyai 60,000 graduan berkelulusan Ph.D di kalangan rakyat Malaysia pada tahun 2023.

Majlis Konvokesyen kali ini menyaksikan dua graduan Ph.D termuda berumur 25 tahun.

Walaupun jumlah graduan UPM semakin meningkat, UPM tetap teliti dalam mengendalikan pengajian pelajar Ph.D di mana sebarang penerbitan dan penyelidikan yang dibuat akan diberikan penilaian yang tegas untuk memastikan graduan Ph.D ini memenuhi piawaian kebangsaan, juga memberi impak yang berkualiti.

Dato' Ir. Radin Umar juga yakin jumlah graduan Ph.D akan meningkat untuk tahun yang seterusnya, sejajar dengan usaha UPM untuk mengukuhkan status sebagai Universiti Penyelidikan bagi memastikan ratio 1:1 pendaftaran pelajar pasca siswazah dan siswazah pada tahun 2015.

Peningkatan ini menunjukkan usaha penjenamaan pasca siswazah UPM semakin kukuh dan mampu untuk menarik lebih ramai pelajar, selaras dengan misi kerajaan iaitu untuk meningkatkan pengambilan pelajar Ph.D dan menyokong usaha menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi.



Dato' Ir. Radin Umar Radin Sohadi
Naib Canselor

FAKTA

Majlis Konvokesyen ke-36 UPM

Bilangan Graduan Ph.D UPM 2010-2012

2012	457
2011	369
2010	256

Kategori Umur Graduan Ph.D 2012

40 tahun ke atas	173
36-40 tahun	118
31-35 tahun	114
25-30 tahun	52

Bilangan Graduan Mengikut Sekolah

Sekolah Pengajian Siswazah	435
Sekolah Pengajian Siswazah	22
Pengurusan	

Bilangan Graduan Mengikut Program Pengajian

Ph.D	457
Master	1,895
Bachelor	3,477
Diploma	371
Jumlah	6,200

Statistik Pencapaian Peratus Kemahiran Keusahawanan Pelajar Tahun Akhir UPM

2011	81.30%
2010	56.87%

Peranan graduan menyokong Dana Wakaf Ilmu



Usaha murni...Pelancaran Dana Wakaf Ilmu UPM 2011

Sebagai alumni universiti ini, para graduan juga harus sentiasa berhubung dan bersama memberikan sokongan kepada setiap usaha universiti sebagai universiti penyelidikan bereputasi antarabangsa. Ia selaras dengan alumni universiti pelbagai generasi yang kini telah meningkatkan penglibatan mereka dengan alma mater.

Para graduan hari ini yang akan menjadi alumni UPM akan bersama-sama universiti bagi membangunkan kapasiti modal insan kepada UPM dan negara agar berkekalan untuk generasi yang akan datang.

Bertolak daripada kesedaran ini, usaha universiti membangunkan kekuatan sumber wakaf untuk ilmu atau endowmen yang bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada mereka yang memerlukan.

Mengetahui bahawa graduan UPM yang terdiri daripada pelajar pasca siswazah dan siswazah yang berjaya mendapat pengiktirafan dan pengiktirafan oleh universiti dan kerajaan, mereka turut berminat untuk menyokong usaha universiti ini.

Kini, dana itu terus meningkat dan telah menerima sumbangan sebanyak RM2 juta ringgit daripada staf, rakan korporat, alumni universiti dan orang ramai.

Usaha murni pelancaran dana wakaf ilmu ini adalah bertujuan untuk menampung operasi universiti untuk jangka panjang dan memastikan tiada pelajar yang belajar di universiti ini berhenfi akibat masalah kewangan.

Ini bukan sahaja menunjukkan bahawa alumni setia menyokong UPM tetapi juga memperlihatkan komitmen mereka menyokong pembangunan kapasiti sumber manusia dan memastikan ilmu pengetahuan disampaikan meluas kepada masyarakat.

Bagi masyarakat yang ingin menyumbang Dana Wakaf Ilmu boleh melayari laman web www.fund4knowledge.upm.edu.my.